

PERJANJIAN DI ANTARA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
(MPC)

DENGAN

KAWALAN MEGA SDN BHD (875351-A)

BAGI

PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN DI
IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI
MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN
BERMULA 01 JANUARI 2020 SEHINGGA
31 DISEMBER 2021

LAMPIRAN G

No. Perjanjian : MPC(PCT)400-10/2/71

Nilai Kontrak : RM 458,103.17

Nilai Cagaran: RM 5,726.29

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

PERJANJIAN ini dibuat pada *01* haribulan **Januari** tahun 2020 DI ANTARA PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA yang ditubuhkan di bawah Akta (Memperbadankan) Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966 (selepas dari ini disebut "MPC") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai satu pihak DAN KAWALAN MEGA SDN BHD sebuah syarikat Sendirian Berhad yang didaftarkan di Malaysia dan yang beralamat di No 12a-1, Jalan Equine 10D, Taman Equine 43300 Seri Kembangan Selangor (selepas dari disebut sebagai "Kontraktor") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai pihak yang satu lagi.

MUKADIMAH

1. BAHAWASANYA MPC adalah suatu pertubuhan yang diperbadankan bernama Perbadanan Produktiviti Malaysia yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa bagi memperoleh dan memegang harta yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih dan melepaskan atau dengan jalan lain membuat apa-apa berkenaan dengannya.
2. DAN BAHAWASANYA MPC telah mempelawa syarikat-syarikat atau firma-firma yang berkeelayakan menurun syarat-syarat yang dinyatakan dalam 'Syarat-Syarat Am Tender' dalam Dokumen Sebut Harga untuk PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN DI IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 01 JANUARI 2020 SEHINGGA 31 DISEMBER 2021 (selepas dari ini disebut sebagai "kontrak tersebut").



3. DAN BAHAWASANYA kontraktor telah memohon kepada MPC dan menawarkan untuk melaksanakan dan menjalankan kontrak tersebut yang disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam atau yang hendaklah ditakrifkan dari Dokumen Tender dan dirujukkan di sini sebagai Lampiran 1 Perjanjian ini.
4. MPC bersetuju menerima tawaran dari Kontraktor seperti yang dirujukkan di perenggan tiga (3) di atas tertakluk kepada syarat-syarat dan had-had yang dinyatakan kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1.0 TAKRIF

- 1.1 Dalam perjanjian ini dan dalam syarat-syarat dan jadual-jadual yang dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:
- 1.2 "MPC" maksudnya Perbadanan Produktiviti Malaysia yang diperbadankan di bawah Akta (Memperbadankan) Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966.
- 1.3 "Kontraktor" maksudnya Kawalan Mega Sdn Bhd sebuah syarikat Sendirian Berhad yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftarnya di No 12A-1, Jalan Equine 10D, Taman Equine 43300 Seri Kembangan Selangor.
- 1.4 "Dokumen Sebut Harga " maksudnya dokumen yang dilampirkan bersama dengan perjanjian ini dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian dari perjanjian ini.
- 1.5 "Perkhidmatan " maksudnya semua jenis perkhidmatan di bawah kontrak tersebut dan diperihalkan dalam dokumen sebut harga .
- 1.6 "Kontrak Tersebut" maksudnya kontrak yang ditakrifkan menurut perenggan 2 & 3 (Mukadimah) perjanjian ini.

2.0 PERIHAL KONTRAK

- 2.1 Kontraktor adalah dikehendaki melaksanakan kontrak perkhidmatan seperti terkandung dalam Dokumen Sebut harga dengan bayaran Ringgit Malaysia **Empat Ratus Lima Puluh Lapan Ribu Satu Ratus Tiga Dan Sen Tujuh Belas Sahaja (RM 458,103.17).**
- 2.2 Bagi maksud melaksanakan kontrak tersebut, kontraktor dengan ini bersetuju bahawa segala syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen sebut harga hendaklah dijadikan sebahagian dari perjanjian ini dan hendaklah ditakrifkan bersama-sama dengan syarat-syarat yang sedia ada di dalam perjanjian ini.

3.0 PEMBAYARAN KONTRAK

- 3.1 Pembayaran kepada kontraktor oleh MPC atas pelaksanaan kontrak tersebut akan dibuat kualiti perkhidmatan yang telah ditetapkan menurut Dokumen sebut harga dan akan dijelaskan oleh MPC selepas inbois/bil dan salinan asal pesanan jabatan dan disahkan oleh MPC dengan memuaskan mengikut spesifikasi yang dirujukkan dalam Dokumen sebut harga. MPC berhak membuat potongan ke atas bayaran itu sekiranya didapati kerja-kerja tidak memuaskan atau tidak dibuat langsung.
- 3.2 Adalah dipersetujui bahawa MPC berhak selain dari cara dan masa pembayaran yang ditetapkan di atas menentukan cara pembayaran yang lain dan melanjutkan masa pembayaran yang dibuat kepada kontraktor dalam masa berkuatkuasanya perjanjian ini.

4.0 TEMPOH PERJANJIAN

- 4.1 Tempoh perjanjian ini adalah selama **24 bulan** dan berkuatkuasa mulai dari tarikh **01 haribulan Januari tahun 2020 hingga 31 haribulan Disember tahun 2021.**